

KEPENTINGAN *TAHQIQ* TERHADAP SASTERA ISLAM MELAYU: SATU PEMERHATIAN AWAL

The Importance of Tahqīq to Malay Islamic Literature: A Preliminary Observation

^{i*}Ahmad Mursyid Azhar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan.

*(Corresponding author) e-mail: ahmadmursyid80@gmail.com

ABSTRAK

Karya sastera Islam merupakan salah satu medium dakwah dalam bentuk penulisan bagi menyampaikan mesej dan nilai-nilai Islam. Walaupun tujuan penulisan sesuatu karya sastera Islam adalah baik, ia tidak terlepas daripada kritikan dan permasalahan. Permasalahan tersebut mengakibatkan pemahaman Islam yang disebarluaskan dalam karya sastera Islam ini bersalahan dengan pemahaman Islam yang sebenar. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah bagi mengenal pasti kesalahan yang berlaku dalam karya sastera Islam yang berkaitan dengan nilai pengajaran dan pemahaman Islam. Seterusnya, ia bertujuan mempamerkan kepentingan *tahqīq* terhadap karya sastera Islam supaya pemahaman Islam yang disebarluaskan bertepatan dengan ajaran Islam yang sahih. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan. Manakala metode yang diaplikasikan adalah analisis dokumen dengan merujuk kepada beberapa buku dan artikel yang berkaitan. Bagi mengenal pasti hubungkait *tahqīq* dengan kajian yang dijalankan, buku-buku dan artikel jurnal berkaitan tahqiq, sastera Islam, pemahaman Islam dalam karya sastera Islam, kritikan karya-karya Islam telah dirujuk bagi mengenal pasti hubungkait antara tahqiq dengan kajian. Hasil kajian mendapat terdapat karya sastera Islam Melayu yang bercanggah dengan pemahaman Islam yang sahih serta tidak menepati fakta yang tepat. Begitu juga dengan kepentingan tahqiq terhadap sastera Islam Melayu.

Kata Kunci: *Tahqīq, kepentingan tahqīq, sastera Islam Melayu.*

ABSTRACT

Islamic literature is one of the mediums of dakwah in the form of writing used to convey the messages and values of Islam. Although the purpose of writing Islamic literature is noble, it is not free from criticism and issues. These problems result in an understanding of Islam conveyed through Islamic literature that contradicts the true understanding of Islam. Therefore, the aim of this study is to identify the errors that occur in Islamic literary works related to Islamic teachings and understanding. Furthermore, it aims to highlight the

importance of *tahqīq* (verification) in Islamic literature to ensure that the understanding of Islam spread through these works aligns with authentic Islamic teachings. This writing adopts a qualitative approach using a content analysis research design. The method applied is document analysis, referring to several relevant books and articles. To identify the relationship between *tahqīq* and the study conducted, books and journal articles related to *tahqīq*, Islamic literature, Islamic understanding in Islamic literature, and criticisms of Islamic works were referred to, in order to identify the connection between *tahqīq* and the study. The study found that there are Malay Islamic literary works that contradict the true understanding of Islam and do not align with accurate facts. Similarly, it underscores the importance of *tahqīq* in Malay Islamic literature.

Keywords: *Tahqīq, the importance of tahqīq, malay Islamic literature.*

TOPIK UTAMA

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa edisi keempat, sastera adalah bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Sastera juga bermaksud kesusasteraan hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yg mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.¹ Menurut sebahagian pengkaji, sastera berasal daripada perkataan “susastera” yang bererti seni sastera. Tambahan “su” dalam bahasa Sanskrit bererti baik atau indah. Jadi kesusasteraan bererti kesenian yang indah.² Berdasarkan kepada definisi-definisi tersebut, dapat difahami sastera adalah satu karya penulisan berseni dengan ciri-ciri keistimewaan tertentu.

Manakala menurut Sidek Baba³, sastera itu mestilah isi kandungannya bersifat rekaan manusia, mengandungi fakta yang tidak benar, kisah-kisah dan karya hasil rekaan manusia, mengandungi tokok tambah dan bersifat imaginasi dan tasyul seperti cerpen atau puisi yang diolah secara kreatif oleh manusia.⁴ Berdasarkan pandangan Sidek Baba

¹ Entri “Sastera, Kamus dewan bahasa, diakses pada 2 September 2024, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sastera>

² Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”, *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam* 4, no. 10 (2022): 49.

³ Sidek Baba merupakan seorang pendidik dan cendekiawan profesional yang mampu melontarkan idea dan komentar dalam pelbagai bidang sama ada bidang pendidikan, politik, ekonomi, dakwah, tamadun, sejarah dan sebagainya. Lihat: Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”: 47.

⁴ Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”: 50.

tersebut, sastera adalah karya penulisan yang tidak berlandaskan kepada fakta, tetapi karya penulisan bersifat rekaan dan imaginasi.

Definisi sastera yang dapat difahami daripada pandangan Sidek Baba berbeza dengan definisi sastera yang telah dikemukakan sebelum ini. Sastera menurut Sidek Baba adalah terhad kepada karya penulisan yang tidak berasaskan fakta mahupun ilmiah, atau juga disebut sebagai fiksyen. Sedangkan menurut yang lain sastera adalah apa-apa karya penulisan berseni dan kreatif sama ada berfakta atau tidak. Perbezaan ini secara tidak langsung akan membawa perbezaan dalam memahami sastera Islam.

Definisi sastera Islam juga terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ahli bahasa. Perbezaan ini berkaitan rapat dengan kefahaman ahli bahasa terhadap isu persuratan Islam, sastera kitab dan genre fiksyen. Menurut Sidek Baba, sastera Islam adalah karya dan seni yang terhasil daripada pengkarya beragama Islam yang faham tentang Islam, kerangka dan isi dalam membawa risalah agama yang tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam.⁵ Pandangan ini adalah baik kerana meletakkan syarat bahawa sastera Islam itu mestilah dihasilkan oleh orang Islam yang memahami tentang syariat Islam. Walaupun begitu, apabila berbicara mengenai sastera, menurut Sidek Baba sastera Islam tidak sama dengan persuratan Islam. Hal ini jelas menurut beliau, persuratan Islam berbeza dengan sastera Islam kerana persuratan Islam adalah karya penulisan bersifat rasional dan berfakta tanpa unsur tokok tambah.⁶ Berbeza dengan sastera Islam yang tidak berlandaskan kepada fakta.

Manakala menurut Shahnon Ahmad, sastera Islam, adalah cerita rekaan atau fiksyen yang moral ceritanya mesti mengangkat kemakrufan dan menentang kemungkaran.⁷ Jelas kelihatan, pandangan Shahnon Ahmad dan Sidek Baba ini telah mengeluarkan penulisan berbentuk ilmiah atau nama lainnya “sastera kitab” daripada kategori sastera Islam. Sastera kitab adalah kitab yang dikarang oleh para ilmuwan untuk menghuraikan pelbagai cabang ilmu berkaitan agama Islam dalam bahasa Melayu-Jawi.⁸ Begitu juga menurut Siti Hawa yang mengeluarkan sastera kitab daripada sastera Islam. Hal ini kerana bagi mereka sastera adalah fiksyen. Maka disebabkan itu, mereka telah meminggirkan hasil-hasil karya bukan cerita yang dikarang setelah orang Melayu menerima Islam yang dikenali sebagai sastera kitab.⁹ Mereka juga menganggap sastera

⁵ Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”: 51.

⁶ Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”: 48-49.

⁷ Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. (Malaysia: Wadi al-Irfan, 2024) 3.

⁸ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 30.

⁹ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 30.

kitab tidak memberikan sumbangannya yang signifikan dalam sejarah dan tradisi kesusasteraan Melayu.¹⁰

Walau bagaimanapun, pandangan ini telah disangkal oleh Mohd Zariat Abdul Rani¹¹. Menurut beliau, sastera kitab mahupun persuratan Islam juga merupakan sebuah kesusasteraan. Perkara ini dapat dilihat apabila beliau membawa pandangan daripada al-Attas yang menyatakan hasil-hasil karya sastera kitab sebagai kesusasteraan dalam erti kata yang sebenar.¹² Menurut al-Attas, sastera kitab atau persuratan Melayu adalah satu tradisi keilmuan yang dipelopori oleh para ulama yang mengarang kitab-kitab ilmu dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi pada abad ke 16 dan 17 Masihi. Ilmu-ilmu yang dikarang adalah ilmu-ilmu baharu bagi orang Melayu pada ketika itu seperti ilmu tasawuf, ilmu kalam, ilmu fiqh dan lain-lain.¹³ Begitu juga bagi Braginsky yang menanggap kitab sebagai satu bentuk atau genre sastera yang paling utama, paling dihormati dan paling bermutu tinggi.¹⁴

Bukan itu sahaja, kesusasteraan Melayu pada zaman Islam terdapat keistimewaan tersendiri. Menurut al-Attas, satu ciri penting yang terserlah dalam kegiatan kesusasteraan Melayu pada zaman Islam ialah keutamaan bentuk prosa yang lebih luas penghasilan penggunaannya, berbanding bentuk puisi, sehingga menjadi kelaziman bagi para pengarang Melayu pada ketika itu untuk melengkapkan syair mereka dengan “sharanan prosa” yang menghuraikan makna syair itu.¹⁵ Begitu juga dengan keindahan sastera kitab yang mementingkan pemahaman terhadap tauhid dan juga ilmu Islam.¹⁶ Kesemua ini dinyatakan oleh Mohd Zariat Abdul Rani dalam pengenalan beliau terhadap buku *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* karangan Mohd Affandi Hassan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sastera Islam adalah penulisan-penulisan kreatif dan berseni yang mengandungi nilai-nilai Islam. Sastera Islam tidak terhad kepada penulisan fiksyen dan rekaan sahaja, bahkan ia juga terdiri daripada penulisan berfakta dan ilmiah. Manakala, sastera Islam Melayu yang dimaksudkan pada penulisan ini adalah karya penulisan kreatif dan berseni oleh orang Islam dalam bahasa Melayu yang mengandungi nilai-nilai Islam terdiri daripada penulisan fiksyen dan penulisan ilmiah.

Penulisan ini membincangkan tentang kepentingan *tahqīq* terhadap karya sastera Islam Melayu. Pemilihan sastera Islam Melayu sebagai bahan kajian kerana ia merupakan

¹⁰ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 31.

¹¹ Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani merupakan seorang pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Lihat: <https://profile.upm.edu.my/zariat/profesional.html>.

¹² Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 31.

¹³ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 31-32.

¹⁴ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 39.

¹⁵ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 40.

¹⁶ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 32-34.

satu karya penulisan yang mengandungi mesej-mesej dan nilai-nilai Islam. Sastera Islam juga merupakan satu medium dakwah dan nasihat untuk disampaikan kepada masyarakat. Fokus kajian juga terhad hanya kepada karya penulisan berbahasa Melayu kerana karya sastera Islam berbahasa Melayu ini yang memenuhi pasaran tempatan. Oleh itu, satu kesedaran berkaitan *tahqīq* terhadap karya sastera Islam perlu dikehodapkan. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti kesalahan yang berlaku dalam karya sastera Islam yang berkaitan dengan nilai pengajaran dan pemahaman Islam. Seterusnya, ia bertujuan mempamerkan kepentingan *tahqīq* terhadap karya sastera Islam supaya pemahaman Islam yang disebarluaskan bertepatan dengan ajaran Islam yang sahih.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan. Analisis dokumen-dokumen tertentu seperti buku-buku, jurnal-jurnal dan artikel-artikel yang berkaitan dijalankan dalam kajian ini. Bagi menjelaskan pengenalan dan kepentingan *tahqīq*, buku seperti *Kayfa Tuhaqqiq Makhtūṭan Turāthiyān* karangan Ḥamdī ‘Abdul Ḥamīd dan *Manāhij Tahqīq al-Turāth Bayna al-Qudāmā Wa al-Muḥdathīn* karangan Ramaḍān ‘Abdul Tawwāb dirujuk. Tidak dilupakan juga, jurnal yang berkaitan turut dirujuk bagi mengenal pasti hubungkait *tahqīq* dengan kajian yang dijalankan.

Manakala bagi memahami berkaitan sastera Islam, buku bertajuk *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* karangan Mohd Affandi Hassan menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Tambahan pula bahagian pengenalan buku ini yang ditulis oleh Mohd Zariat Abdul Rani adalah sangat penting bagi memahami sastera Islam. Seterusnya, bagi menambahkan lagi kefahaman berkaitan sastera Islam, beberapa jurnal turut ditambah dalam kajian. Bagi mengenal pasti masalah berkaitan pemahaman Islam dalam karya sastera Islam pula, beberapa jurnal dan artikel yang mengkritik karya-karya sastera Islam tertentu turut menjadi rujukan dalam kajian ini.

SEJARAH SASTERA ISLAM MELAYU

Hubung kait antara kesusasteraan dengan Islam telah lama wujud dan diterima baik oleh agama Islam sejak daripada zaman Rasulullah SAW. Terdapat sebilangan ramai penyair pada zaman Nabi Muhammad SAW yang memuji Baginda SAW. Antara yang terawal memuji Nabi SAW adalah daripada kalangan penyair Madinah.¹⁷ Bukan itu sahaja, sastera juga turut berada dalam pengajian-pengajian Islam sejak dahulu lagi. Hal ini kerana terdapat beberapa kitab pengajian Islam atau kitab-kitab *turāth* (تراث) yang ditulis dalam

¹⁷ Shawqī Dīf, *Tārīkh al-Adab al-‘Arabī*. (Mesir: Dār al-Ma‘ārif, 1995), 42.

bentuk syair atau lebih dikenali sebagai *nazam* (نظم). Contoh kitab-kitab *turāth* yang ditulis secara *nazam* adalah seperti matan *Jawharah al-Tawhīd*, *Kharīdah al-Bahiyyah*, *Alfiyyah Ibn Mālik*, *Alfiyyah al-‘Irāqī* dan banyak lagi. Berikut adalah contoh petikan *nazam* daripada petikan matan *Jawharah al-Tawhīd* berkaitan ilmu aqidah:

عليه أن يعرف ما قد وجبا	فكل من كلف شرعا وجبا
ومثل ذا لرسله فاستمعوا	الله والجائز والممتنع

*Maksudnya: Maka setiap orang yang telah ditaklifkan secara syarak wajib ke atasnya untuk mengetahui apa yang wajib bagi Allah SWT dan yang harus serta yang terhalang (mustahil). Begitu juga perkara yang perlu diketahui daripada perkara berikut terhadap rasul-rasul maka dengarlah (ketahuilah).*¹⁸

Manakala, kemunculan sastera Islam di tanah Melayu seiring dengan penyebaran Islam ke tanah Melayu pada sekitar abad ke-13 Masihi. Perkara ini jelas kelihatan dengan munculnya hikayat Nabi Muhammad SAW yang merupakan genre sastera Islam yang terawal wujud di alam Melayu. Hikayat ini bukan sekadar sebuah cerita biasa atau dongengan, namun ia sebenarnya merupakan langkah pendakwah ketika itu untuk menyebarkan Islam kepada mereka yang masih baru memeluk Islam dengan mengajarkan mereka tentang Islam dan ketokohan Nabi Muhammad SAW. Antara hikayat yang terawal membicarakan tentang Baginda SAW adalah *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Khatim al-Nabi*, *Hikayat Tatkala Bulan Belah Dua* dan lain-lain lagi.¹⁹

Perkembangan sastera Islam di tanah Melayu juga mempunyai sejarahnya tersendiri. Perkembangan ini berkait dengan sejarah kesusasteraan Melayu. Sejarah kesusasteraan Melayu boleh dibahagikan kepada dua garis masa iaitu zaman kesusasteraan Melayu tradisional dan zaman kesusasteraan Melayu moden.²⁰ Zaman kesusasteraan Melayu tradisional dirujuk sebagai zaman yang merangkumi zaman-zaman sebelum Abdullah Munsyi atau lebih tepat ialah sebelum penjajahan Barat, iaitu zaman animisme, hinduisme dan Islam di Alam Melayu.²¹ Maka, dapat difahami pula, zaman kesusasteraan Melayu moden adalah pada zaman Abdullah Munsyi dan selepasnya.

¹⁸ Al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad, *Tuhfah al-Murīd ‘Alā Jawharah al-Tawhīd*, (Syria: Maktabah Dār al-Daqqāq, 2016), 590.

¹⁹ Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil, “Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”: 48.

²⁰ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 20.

²¹ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 19.

Pada zaman kesusastraan Melayu tradisional, terdapat beberapa jenis atau kumpulan karya kesusastraan. Kumpulan karya kesusastraan tradisional ini telah dibahagikan oleh Siti Hawa kepada lapan kumpulan iaitu sastera keagamaan, sastera epik, sastera sejarah, sastera perundangan, sastera ketatanegaraan, sastera hikayat, sastera panji dan sastera ilmu tradisional.²² Seterusnya, Siti Hawa membahagikan pula sastera keagamaan kepada empat bahagian iaitu sastera kitab, sastera kenabian, sastera tokoh-tokoh Islam dan sastera kepahlawanan Islam.

Seterusnya, perkembangan sastera Islam semakin berkembang pada zaman moden iaitu pada tahun 1970-an dan 1980-an apabila sarjana, pengkaji dan penggiat sastera cenderung ke arah Islam. Menurut Mohd Zariat, kedua-dua dekad ini juga dikenali sebagai zaman kebangkitan Islam di Malaysia. Satu era yang menyaksikan munculnya satu demi satu seruan yang mengajak umat Islam di Malaysia untuk menghidupkan kembali nilai-nilai Islam dalam segenap aspek kehidupan. Kecenderungan terhadap Islam ini berterusan sehingga dekad 1990-an.²³

DEFINISI *TAHQIQ* DAN FAEDAH-FAEDAHNYA

Perkataan *tahqīq* berasal daripada kata terbitan *haqqāqa* (حق) yang bermaksud menetapkan sesuatu perkara dan membenarkannya.²⁴ Terma *tahqīq* biasanya digunakan berkaitan dengan *tahqīq al-makhtūtāt* (تحقيق المخطوطات) iaitu penilitian terhadap manuskrip-manuskrip terdahulu. *Tahqīq* pada istilah bermaksud usaha pemeliharaan yang khusus terhadap manuskrip-manuskrip terdahulu sehingga ia dapat dipastikan apabila memenuhi syarat-syarat tertentu.²⁵ Fungsi utama *tahqīq* adalah penelitian yang mendalam terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana, tujuan *tahqīq* adalah penelitian yang mendalam terhadap sesuatu manuskrip sehingga penulisan manuskrip tersebut dapat dicetak semula.²⁶

Usaha *tahqīq* sangat berkait rapat dengan ilmu hadis. Perkara ini dapat dilihat melalui sejarah awal usaha *tahqīq* yang telah dilaksanakan oleh tokoh hadis sendiri. Al-Yūnīnī adalah antara tokoh terawal yang menjalankan kegiatan *tahqīq* terhadap riwayat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.²⁷ Bahkan, jika dilihat dalam kitab-kitab *muṣṭalaḥ al-ḥadīth* terdapat satu bab yang menjadi asas kepada *tahqīq* iaitu *kitābah al-ḥadīth wa ḏabīḥ* (كتاب الحديث).

²² Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 27.

²³ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 1-3.

²⁴ Kumpulan Bahasa Arab, kitab *al-Mu'jam al-Wasith*, Edisi Keempat (Mesir: Maktabah as-Syuruq ad-Dauliah, 2011) 188.

²⁵ Ḥamdī 'Abdul Fattāḥ. *Kayfa Tuhaqqiq Makhtūtan Turāthiyān*. (Mesir: Maktabah al-Īmān, 2014) 11.

²⁶ Ahmad Mursyid Azhar, "Pendekatan *Takhrīj* dan *Tahqīq* dalam Pengajaran Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan", *RABBANICA* 4, no.1 (2023): 81.

²⁷ Ramadān 'Abdul Tawwāb. *Manāhij Tahqīq al-Turāth Bayna al-Qudāmā Wa al-Muhdathīn*. (Mesir: Maktabah al-Khānjī, 1985), 13.

²⁸ (وضبطه) Jelas di sini bahawa usaha-usaha *tahqīq* telah lama dijalankan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam khususnya tokoh-tokoh hadis.

Manakala berkenaan dengan faedah-faedah *tahqīq*, Hamdi Abdul Fattah telah menyenaraikan gerak kerja *tahqīq* yang boleh difahami sebagai faedah-faedahnya. Antara faedah *tahqīq* adalah seperti berikut:

- i. Memastikan sumber manuskrip yang dipercayai dengan melakukan perbandingan antara manuskrip.
- ii. Mencari sumber asal atau primer bagi setiap nas al-Quran, hadis, syair-syair Arab serta kata-kata atau pendapat para imam tertentu.
- iii. Membetulkan segala kesilapan yang ada pada manuskrip atau cetakan terdahulu.
- iv. Menambah baik segala kekurangan atau penambahan yang ada pada manuskrip atau cetakan terdahulu.
- v. Menambah baik kesamaran antara huruf atau perkataan yang terdapat pada manuskrip.²⁹

Berdasarkan faedah-faedah *tahqīq* ini, jelas difahami bahawa fungsi *tahqīq* adalah penelitian yang mendalam dengan memastikan kesahihan sumber asal setiap maklumat dan dakwaan.³⁰ Oleh itu, pendekatan *tahqīq* boleh dimanfaatkan dalam pelbagai perkara dan bidang dalam meneliti maklumat dan fakta-fakta tertentu. Terutama, *tahqīq* dapat diaplikasikan dalam meneliti maklumat dan fakta dalam bahan-bahan kesusasteraan Islam.

KEPENTINGAN *TAHQIQ* TERHADAP SASTERA ISLAM MELAYU

Perkembangan dalam penulisan dan karya sastera Islam adalah bagus dan perlu disambut dengan baik. Ia merupakan salah satu bentuk dakwah yang boleh disampaikan kepada masyarakat. Walaupun begitu, ia tidak bermaksud penulisan-penulisan sebegini suci daripada kesilapan. Usaha-usaha penelitian atau *tahqīq* perlu dilaksanakan terhadap karya-karya sastera Islam terutamanya novel-novel Islamik. Begitu juga dengan karya-karya berkaitan sejarah Islam terutamanya berkaitan perihal Nabi Muhammad SAW.

Pemerhatian kepada karya-karya sastera Islam penting kerana terdapat karya-karya sastera Islam yang boleh diragui isi kandungannya. Perkara ini amat merisaukan apabila sastera Islam difahami sebagai satu karya penulisan berbentuk fiksyen. Perkara sebegini

²⁸ Ahmad Mursyid Azhar, “Pendekatan *Takhrīj* dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”: 81.

²⁹ Ahmad Mursyid Azhar, “Pendekatan *Takhrīj* dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”: 84.

³⁰ Ahmad Mursyid Azhar, “Pendekatan *Takhrīj* Dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”: 84.

walaupun tujuan penulisannya adalah baik sebagai salah satu bentuk dakwah, namun ia tidak membenarkan seseorang untuk menulis sesuka hati berkaitan dengan ajaran Islam. Ini seperti apa yang diutarakan oleh Mohd Zariat terhadap pemahaman sebahagian tokoh tentang sastera Islam. Mohd Zariat menerangkan bahawa yang difahami daripada sastera Islam berdasarkan kesusasteraan Melayu moden adalah:

*“Seruan yang disampaikan melalui karya sastera kepada pembaca untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanan. Seruan ini pula rata-rata diterjemahkan dalam bentuk cerita-cerita rekaan (cereka) atau lebih tepat ialah fiksyen yang melahirkan genre-genre sastera moden seperti novel, cerpen dan drama”.*³¹

Tambahan pula, terdapat tokoh-tokoh tertentu yang pemahamannya bercanggah dengan pendirian dan metodologi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkara ini mengakibatkan isi kandungannya terpesong jauh daripada pemahaman Islam yang sebenar walaupun secara zahirnya tampak Islamik. Ini seperti yang diterangkan oleh Mohd Affandi Hassan dalam buku beliau:

*“Maka beberapa orang penulis sering disebut dan digolongkan sebagai mewakili penulis-penulis sastera Islam, meskipun ada antara mereka yang boleh dianggap anti-Islam atau mensekularkan Islam dalam sastera. Antara contoh yang diberikan tentang sikap anti-Islam ini ialah pembicaraan tentang Islam yang hanya mengambil al-Quran semata-mata hujah untuk memenuhi kehendak-kehendak tertentu sahaja, tidak menyeluruh dan tafsirannya sering tidak tepat kerana tidak berasaskan tradisi pengajian Islam dengan menolak al-Sunnah, iaitu meragu dan tidak menerima kesahihan hadis”.*³²

Perkara ini juga dapat dilihat dengan jelas apabila terdapat beberapa novel Islamik yang mempunyai isi kandungan serta pemahaman Islam yang mengelirukan di samping mempamerkan nilai moral yang rendah. Contoh-contohnya dapat dilihat pada novel-novel popular Islami dan juga novel Islamik bergenre romantik. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir:

“Terdapat banyak perbincangan tentang novel populer ini termasuklah soal ilmunya yang mengelirukan, mutu seninya yang diragui, moralnya yang rendah, pencemaran bahasa yang begitu leluasa dan sebagainya”.³³

³¹ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 8.

³² Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, 77.

³³ Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “Takrif Dan Manifestasi “Turbiah” Dalam Novel Populer Islami di Malaysia”, *MAHAWANGSA* 2, no. 2 (2015): 134.

Begin juga apa yang dinyatakan oleh Mohd Zariat:

*“Jenis novel ini lebih merupakan novel ringan bersifat romance atau cerita cinta yang melibatkan ustaz dan ustazah yang disibukkan dengan konflik percintaan, yang tidak pula menyerlahkan unsur ilmu, dengan itu tidak mencerminkan peribadi mukmin seperti yang disarankan oleh Islam”.*³⁴

Maka, disebabkan perkara-perkara inilah, usaha *tahqīq* perlu dilaksanakan. Seterusnya menunjukkan kepentingan *tahqīq* terhadap karya-karya sastera Islam Melayu. Baik sama ada karya sastera tradisional mahupun moden. Kedua-duanya mempunyai permasalahan tersendiri yang perlu kepada penelitian yang mendalam.

Berdasarkan kepada faedah-faedah *tahqīq* sebelum ini, berikut adalah beberapa kepentingan *tahqīq* terhadap sastera Islam Melayu:

1. Mengenal pasti sumber dan kesahihan riwayat, kisah-kisah dan hikayat yang terdapat dalam penceritaan sirah Nabi, sejarah Islam dan yang seumpama dengannya.

Keperluan *tahqīq* adalah bagi menjamin kesahihan status suatu riwayat atau kisah dalam karya-karya sastera Islam yang berkaitan hikayat dan sejarah Islam bertepatan dengan fakta. Perkara ini sangat dititik berat terutama apabila ia melibatkan keperibadian Nabi Muhammad SAW. Jika diperhatikan semula, kitab-kitab *tārīkh* atau sirah Nabi SAW juga tidak terlepas daripada kritikan terutama pada sudut sanad periwakatannya. Sebagai contoh, dalam kitab al-*Sīrah al-Nabawiyyah* karangan Ibn Ishāq juga terdapat fakta yang tidak diterima kerana bertentangan dengan hadis *sahīh* menurut sebahagian pengkaji.³⁵

Jika kitab sirah yang periwakatannya hampir dengan zaman Rasulullah SAW juga diteliti dan dikaji serta menerima kritikan, bagaimana pula dengan kitab-kitab hikayat yang ada di tanah Melayu yang zamannya cukup jauh dengan zaman Rasulullah SAW? Tambahan pula pada masa kini yang wujud pula novel-novel Islamik berlatar belakang sirah Nabi SAW mahupun sejarah Islam. Sebagai contoh novel *Hijrah* karya Abdul Latip Talib yang tidak terlepas daripada kritikan dan isu tertentu. Novel ini telah menjadi perhatian Hasrizal untuk mengulasnya.

*“Disebabkan oleh penceraean beliau di dalam novel *Hijrah* ini membabitkan Rasulullah SAW, kita terpaksa akur bahawa pengembangan watak dan peristiwa melalui dialog-dialog yang direka*

³⁴ Ungku Maimunah Mohd. Tahir, ‘Takrif Dan Manifestasi “Tarbiah” Dalam Novel Populer Islami di Malaysia’: 135.

³⁵ Hamidi Abdul Ghani, Nasron Yaacob, “Analisis Terhadap Penulisan Ibn Ishāq Dalam Kitab Al-*Sīrah al-Nabawiyyah*”, *RABBANICA* 1, no. 1 (2020): 15.

*termasuk monolog dan kemudian menisbahkannya kepada Rasulullah SAW, adalah salah dari segi hukum agama dan wajib dibetulkan. Inilah titik bahaya paling besar karya Pak Latip ini”.*³⁶

Jelas daripada ulasan Hasrizal ini, penulisan serta penerbitan novel Hijrah boleh mengundang kekeliruan dan bahaya dalam dunia keilmuan Islam apabila nilai keaslian tidak lagi dititik beratkan. Tambah Mohd Zariat pula berkenaan ulasan Hasrizal:

*Berdasarkan penelitiannya, Hasrizal berpendapat bahawa penulisan serta penerbitan novel Hijrah boleh mengundang kekeliruan disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya, pemerian terhadap kejadian tertentu yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. Pemerian ini antaranya melibatkan pengucapan dialog-dialog (dalam novel) yang dilafazkan oleh Rasulullah SAW kepada isteri Baginda Khadijah RA ketika baginda menerima wahyu Allah SWT melalui malaikat Jibril AS... adalah jelas pada Hasrizal bahawa dialog-dialog tersebut merupakan dialog-dialog yang direka oleh novelis, yang dihadirkan dalam usaha untuk memerikan watak serta peristiwa yang diceritakan. Hasrizal berpendapat bahawa bahaya paling besar ialah apabila dialog-dialog rekaan itu dinisbahkan atau disempenakan dengan Rasulullah SAW.*³⁷

Oleh itu, usaha *tahqīq* terhadap karya-karya sastera sebegini perlu diberi perhatian agar ketepatan sesuatu periyawatan, kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa yang dinisbahkan kepada Nabi SAW adalah diterima. Hal ini bertujuan kita tidak tergolong seperti apa yang disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada al-Mughīrah bin Shu'bah, sabda Nabi SAW:

من كذب علي متعمداً فليتبوأ مقعده من النار

Maksudnya: Sesiapa yang berdusta ke atas Ku secara sengaja, maka disediakan baginya tempat duduk daripada neraka.

(Riwayat al-Bukhārī)³⁸

2. Memastikan penggunaan nas al-Quran mahupun hadis dimanfaatkan secara sahih mengikut kefahaman al-Quran dan hadis itu sendiri.

Apabila membicarakan tentang sastera Islam, isi kandungannya tidak lari daripada membahaskan al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Perkara ini secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan terhadap penggunaan nas-nas daripada al-Quran mahupun hadis-hadis yang dimanfaatkan dalam suatu karya sastera. Adakah penulis memahami

³⁶ SaifulIslam.com, diakses pada 2 September 2024, <https://saifulislam.com/2013/03/01-analisa-perkembangan-novel-sejarah-islam-di-malaysia/>

³⁷ Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. 6-7.

³⁸ Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'īl. *Sahīh al-Bukhārī*. (Mesir: Sultāniyah, 1893) no. hadis 1291, 2: 80.

konteks nas-nas tersebut dengan baik dan sahih? Bagaimana penulis memanfaatkan nas-nas tersebut dalam karyanya?

Novel Perang Uhud yang juga merupakan karya Abdul Latip Talib sekali lagi menjadi contoh perbahasan ini. Satu kajian telah dijalankan berkaitan dengan pemanfaatan ayat al-Quran dalam novel ini. Analisis menunjukkan terdapat sebelas kumpulan ayat al-Quran telah dimanfaatkan dalam novel Perang Uhud. Daripada jumlah tersebut, hanya tujuh kumpulan ayat dan *sabab al-nuzūl* ayat tersebut dikaitkan secara khusus dengan peristiwa Perang Uhud.³⁹ Menurut Shahrizal Nasir, Penggunaan al-Quran dalam karya kreatif Melayu Malaysia memperlihatkan ketidak arifan dan semacam sikap “ambil mudah” terhadap soal pemanfaatan al-Quran dalam karya kreatif. Begitu juga sepinya kritikan yang mengenengahkan soal ini jelas menunjukkan bahawa soal peminjaman ini bukan merupakan pertimbangan yang penting dalam penilaian dan penghayatan karya kreatif dalam dunia sastera Melayu.⁴⁰

Perkara sebegini jelas membuktikan keperluan usaha *taḥqīq* terhadap karya sastera Islam supaya pemahaman al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW disebarluaskan dengan pemahaman yang sahih. Hal ini bertujuan, nas-nas al-Quran mahupun hadis Nabi SAW tidak disalah erti bukan pada konteksnya. Seterusnya, perkara ini menunjukkan kepentingan *taḥqīq* dalam karya sastera Islam.

3. Memastikan isi kandungan dalam sesebuah karya bertepatan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Bahagian terpenting dalam usaha *taḥqīq* karya-karya sastera Islam adalah memastikan mesej-mesej dan nilai-nilai moral mencerminkan nilai Islam yang sebenar berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang sahih dan syumul. Tidak dinafikan karya sastera sebegini adalah salah satu cara yang mudah untuk menerapkan beberapa mesej penting dalam kalangan masyarakat berbanding buku-buku ilmiah yang terlalu sarat dengan fakta. Walaupun begitu, karya-karya sastera Islam tidak boleh bermudahan dalam menyampaikan nilai pengajaran Islam tanpa kefahaman Islam yang tepat.

Terdapat sebuah novel yang pernah populer sekitar tahun 90-an iaitu novel Tivi karya Shahnon Ahmad. Shahnon Ahmad cuba menampilkan nilai pengajaran daripada “*juzuk azab*” dalam karya sasteranya. *Juzuk azab* yang dimaksudkan adalah penampilan watak protagonis yang jahat dan tidak bermoral, yang dibiarkan bermaharajalela dengan kejahatannya, untuk kemudiannya dibalas dengan seburuk-buruk hukuman. Shahnon Ahmad mempertahankan pemahamannya tentang sastera Islam yang menurutnya mesti dicirikan dengan apa yang dinamakannya sebagai *juzuk azab* iaitu satu balasan buruk yang

³⁹ Mohd Shahrizal Nasir, “Pemanfaatan Ayat al-Quran Serta Sebab Penurunannya (*Sabab al-Nuzul*) Dalam Novel *Perang Uhud* Karya Abdul Latip Talib”, *Jurnal Pengajian Melayu* 22 (2011): 195.

⁴⁰ Mohd Shahrizal Nasir, “Pemanfaatan Ayat al-Quran Serta Sebab Penurunannya (*Sabab al-Nuzul*) Dalam Novel *Perang Uhud* Karya Abdul Latip Talip”: 202.

turun secara tiba-tiba dan tanpa amaran khusus untuk menghukum watak-watak jahat yang mungkar. Shanon mendakwa bahawa *juzuk azab* menjadi ciri utama dalam kisah-kisah al-Quran, yang menurutnya menurunkan azab kepada kaum-kaum yang sesat secara tiba-tiba dan tanpa amaran.⁴¹

Walaupun kelihatan apa yang dibawa oleh Shahnon Ahmad adalah baik, akan tetapi, beliau gagal mempamerkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar dan menyeluruh. Tidak dinafikan memang terdapat banyak tempat dan kisah dalam al-Quran tentang sesuatu kaum diazab kerana kemungkaran mereka. Sungguhpun begitu, Islam tidak hanya berkisar orang yang mungkar akan diazab. *Juzuk azab* yang dibawa oleh Shahnon Ahmad adalah sangat sempit dan banyak sudut boleh dikritik.

Kebanyakan kisah dalam al-Quran berkaitan kaum yang melakukan kemungkaran, tidak semuanya berakhir dengan kekuferan seterusnya diazab. Contohnya seperti kisah penyihir-penyihir Firaun yang akhirnya bertaubat mengikuti Nabi Musa dan Nabi Harun AS. Hal ini seperti yang direkodkan dalam firman Allah SWT:

﴿٤٦﴾ فَأَلْقَى مُوسَى عَصَاهُ فِي تَلْقُفٍ مَا يُفْكُونَ ﴿٤٥﴾ فَأَلْقَى السَّحْرُّ سَاجِدِينَ

﴿٤٧﴾ قَالُوا آمَنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٨﴾ رَبُّ مُوسَى وَهَارُونَ

Maksudnya: Kemudian Nabi Musa pula mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba tongkatnya itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka). (45) Maka (kemenangan Nabi Musa menjadikan) ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri: sujud, (46) Sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan sekalian alam, (47) "Tuhan Nabi Musa dan Nabi Harun". (48)

(Surah al-Syu'ara 26: 45-48)

Selain itu, menyatakan mereka yang mungkar dan kufur tidak mendapat amaran tentang azab juga agak menyimpang. Sedangkan telah dinyatakan dalam al-Quran bahawa para Rasul itu khususnya Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT yang membawa berita gembira dan juga amaran peringatan. Hal ini seperti firman Allah SWT:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۝ وَلَا تُسْأَلُ عَنِ الصَّحَابِ الْجَنِّيمِ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.

⁴¹ Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. 4.

(Surah al-Baqarah 2:119)

Begitu juga seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Mulk:

كُلَّمَا أَلْقَيْ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ حَرَثَتْهَا أُمٌّ يَأْتِكُمْ نَدِيرٌ

Maksudnya: Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar (dari orang kafir), bertanyalah penjaga-penjaga neraka itu kepada mereka: "Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (di dunia dahulu)?".

(Surah al-Mulk 67:8)

Kesemua firman Allah SWT ini menunjukkan, Islam tidaklah semata-mata menekankan nilai azab sahaja. Nilai-nilai Islam yang disebut dan diceritakan dalam al-Quran adalah sangat banyak. Nilai Islam itu meliputi tentang taubat, rahmat Allah SWT, bersabar, hikmah dalam berdakwah dan pelbagai lagi. Maka, memahami hanya nilai azab sahaja sebagai ciri utama kisah-kisah dalam al-Quran sehingga boleh dijadikan dasar utama dalam suatu karya sastera Islam adalah satu kesalahan.

Tambahan pula, seperti yang sedia maklum berdasarkan keterangan Mohd Affandi Hasan sebelum ini, terdapat beberapa tokoh penulis sastera Islam yang berlatar belakangkan pemahaman dan pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam. Perkara ini menjadi bukti betapa pentingnya usaha *tahqīq* terhadap karya sastera Islam agar tidak tersebarnya pemahaman yang bersalahan dengan ajaran Islam yang sahih. Hal ini sangat merisaukan kerana yang menulis tentang Islam adalah mereka yang mempunyai pemikiran yang tidak berlandaskan ajaran Islam yang murni.

Bukan itu sahaja, penekanan *tahqīq* bukan sekadar pada karya-karya sastera Islam moden sahaja. Penekanan *tahqīq* juga perlu terhadap karya-karya sastera Islam tradisional seperti hikayat-hikayat berkaitan Nabi SAW. Begitu juga dengan sastera kitab yang terdiri daripada kitab-kitab karangan ulama Melayu. Walaupun ia kitab yang sarat dengan ilmu dan fakta, ia juga tidak lari daripada sebarang kekurangan. Perkara ini sama seperti kepentingan *tahqīq* terhadap kitab-kitab *turāth*. Hal ini dapat memastikan ketepatan sumber bagi setiap nas al-Quran, hadis, sejarah dan kisah-kisah mahupun nukilan kata-kata atau dakwaan para imam terdahulu.⁴² Seterusnya dapat menjamin daripada kesilapan fakta atau maklumat ketika ia disebarluaskan.

⁴² Ahmad Mursyid Azhar, “Pendekatan *Takhrīj* dan *Tahqīq* Dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”: 85.

KESIMPULAN

Sastera Islam Melayu adalah karya-karya penulisan kreatif dan berseni oleh orang Islam dalam bahasa Melayu yang mempunyai nilai-nilai Islam terdiri daripada fiksyen dan bukan fiksyen. Walaupun tujuan penulisan sastera Islam adalah baik, akan tetapi terdapat karya-karya sastera Islam yang tidak menepati prinsip-prinsip Islam. Sehingga menukilkan fakta yang kurang tepat dan menokok tambah tanpa ada sumber asal. Tambahan pula terdapat sebilangan penulis sastera Islam mempunyai pemikiran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti anti-Islam dan sekular. Justeru itu, pemerhatian dan penelitian terhadap karya-karya sastera Islam Melayu perlu ditiukit beratkan. Usaha *tahqīq* perlu dilaksanakan bagi memastikan kesahihan riwayat dan fakta. Begitu juga bagi memastikan penggunaan nas al-Quran dan hadis dimanfaatkan dengan tepat. Di samping itu, usaha *tahqīq* perlu supaya pemahaman nilai-nilai Islam dalam karya-karya tersebut menepati prinsip-prinsip Islam yang sebenar dan menyeluruh.

RUJUKAN

- Adli Yaacob, Farah Syafiqah Mohd Fadzil. “Falsafah dan Konsep Sastera Islam Mengikut Sidek Baba”. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam* 4, no. 10 (2022): 46-54.
- Ahmad Mursyid Azhar. “Pendekatan *Takhrij* Dan *Tahqīq* dalam Pengajian Kitab *Turāth*: Kepentingan Serta Kaedah Rujukan”. *RABBANICA* 4/1 (2023): 77-89.
- Al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad, *Tuhfah al-Murīd ‘Alā Jawharah al-Tawhīd*, Syria: Maktabah Dār al-Daqqāq, 2016.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Mesir: Sultāniyah, 1893.
- Ḩamdī ‘Abdul Fattāḥ. *Kayfa Tuhaqqiq Makhtūṭan Turāthiyyan*, Mesir: Maktabah al-Īmān, 2014.
- Hamidi Abdul Ghani, Nasron Yaacob. “Analisis Terhadap Penulisan Ibn Ishāq Dalam Kitab Al-Sīrah Al-Nabawiyyah”. *RABBANICA* 1, no. 1 (2020): 1-18.
- Kumpulan Bahasa Arab, kitab *al-Mu’jam al-Wasith*, Edisi Keempat, Mesir: Maktabah as-Syuruq ad-Dauliah, 2011.
- Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Malaysia: Wadi al-Irfan, 2024.
- Mohd Shahrizal Nasir. “Pemanfaatan Ayat al-Quran Serta Sebab Penurunannya (*Sabab al-Nuzul*) Dalam Novel *Perang Uhud* Karya Abdul Latip Talib”. *Jurnal Pengajian Melayu* 22 (2011): 185-204.
- Ramaḍān ‘Abdul Tawwāb. *Manāhij Tahqīq al-Turāth Bayna al-Qudāmā Wa al-Muhdathīn*, Mesir: Maktabah al-Khānjī, 1985.
- Shawqī Dīf. *Tārīkh al-Adab al-‘Arabī*, Mesir: Dār al-Ma‘ārif, 1995.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. “Takrif Dan Manifestasi “Tarbiah” Dalam Novel Populer Islami di Malaysia”. *MAHAWANGSA* 2, no. 2 (2015): 117-173.

Kamus dewan bahasa, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sastera>

Prof. Madya Mohd Zariat bin Abdul Rani,
<https://profile.upm.edu.my/zariat/profesional.html>

SaifulIslam.com, <https://saifulislam.com/2013/03/01-analisa-perkembangan-novel-sejarah-islam-di-malaysia/>